

Terma dan Syarat Perkhidmatan OCBC OneTouch

1. Terma dan Syarat ini ("Terma") terpakai kepada dan mengawal penggunaan, anda terhadap Perkhidmatan OCBC OneTouch yang disediakan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad (mana-mana daripadanya dirujuk sebagai "OCBC Bank" mengikut kesesuaian konteks, kecuali dinyatakan sebaliknya). Perkhidmatan OCBC OneTouch disediakan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC, dan oleh itu:
 - a) Terma ini merupakan tambahan kepada, dan hendaklah dibaca bersama, Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC (sebarang rujukan kepada Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian OCBC juga merangkumi Terma ini); dan
 - b) sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan, Terma ini akan mengatasi Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian OCBC setakat mana percanggahan atau ketidakselarasan tersebut wujud, selagi Terma ini terpakai kepada Perkhidmatan OCBC OneTouch.
2. Anda mesti menerima dan bersetuju dengan Terma ini sebelum menggunakan Perkhidmatan OCBC OneTouch. Anda mengakui dan bersetuju bahawa pengaktifan Perkhidmatan OCBC OneTouch oleh anda akan dianggap sebagai persetujuan anda terhadap Terma ini dan anda akan dapat melihat maklumat akaun anda menggunakan ciri pengecaman cap jari pada peranti mudah alih yang digunakan sebagai Peranti Akses (sebagaimana ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Perbankan Dalam Talian OCBC) (dalam Terma ini, telefon mudah alih yang digunakan sebagai Peranti Akses akan dirujuk sebagai "peranti mudah alih").
3. Anda memahami kewajipan untuk melindungi peranti mudah alih anda dan kod laluan peranti ("kod laluan peranti"). Setelah peranti mudah alih anda berjaya diaktifkan untuk Perkhidmatan OCBC OneTouch, maklumat akaun anda boleh diakses dengan menggunakan cap jari yang telah didaftarkan pada peranti tersebut. Ciri pengecaman cap jari direka dan dimiliki oleh pembekal pihak ketiga yang berkenaan.

Anda mengakui dan faham bahawa sekiranya anda membenarkan cap jari pihak ketiga didaftarkan pada ciri pengecaman cap jari di peranti mudah alih anda, pihak ketiga tersebut juga akan dapat mengakses maklumat akaun anda.
4. Perkhidmatan OCBC OneTouch hanya tersedia untuk pelanggan yang menggunakan model telefon atau peranti yang memenuhi spesifikasi minimum yang ditetapkan oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa.
5. Untuk menggunakan Perkhidmatan OCBC OneTouch, anda mesti:
 - a) menjadi pelanggan OCBC Bank dan pengguna sah Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC;
 - b) memasang Aplikasi Perbankan Mudah Alih OCBC pada peranti mudah alih anda ("Aplikasi");
 - c) mempunyai sekurang-kurangnya satu cap jari yang didaftarkan pada peranti mudah alih anda; dan
 - d) mematuhi Terma ini.
6. Untuk mengaktifkan Perkhidmatan OCBC OneTouch, anda mesti melalui proses berikut:
 - a) mengesahkan bahawa anda telah membaca dan menerima Terma ini;
 - b) memasukkan ID Log Masuk dan Kata Laluan Perbankan Dalam Talian OCBC anda, diikuti dengan Kata Laluan Sekali Guna (OTP) untuk melengkapkan pengesahan; dan

- c) Perkhidmatan OCBC OneTouch akan diaktifkan setelah pengesahan berjaya.
7. Untuk menyahaktifkan Perkhidmatan OCBC OneTouch pada bila-bila masa, pergi ke menu "Tetapan" (Settings) pada halaman utama OCBC OneTouch dan pilih "Nyahaktifkan" (Deactivate).
8. Anda mengakui dan bersetuju bahawa:
- a) bagi tujuan Perkhidmatan OCBC OneTouch, Aplikasi akan mengakses cap jari yang didaftarkan melalui ciri pengecaman cap jari pada peranti mudah alih anda, dan dengan ini anda memberikan kebenaran kepada OCBC Bank untuk mengakses serta menggunakan maklumat tersebut bagi penyediaan Perkhidmatan OCBC OneTouch;
 - b) terdapat masa-masa tertentu di mana Perkhidmatan OCBC OneTouch mungkin tidak dapat diakses disebabkan penyelenggaraan sistem atau faktor-faktor di luar kawalan OCBC Bank;
 - c) OCBC Bank dari semasa ke semasa mungkin menaik taraf, mengubah suai, menggantung atau meminda sebahagian atau keseluruhan Perkhidmatan OCBC OneTouch dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu, dan tidak akan bertanggungjawab sekiranya sebarang naik taraf, pengubahsuaian, penggantungan atau pemindaan berkenaan ke atas Perkhidmatan OCBC OneTouch menghalang anda daripada mengakses Perkhidmatan OCBC OneTouch.
9. Tanpa menjejaskan perkara yang dinyatakan sebelum ini, penggunaan anda terhadap Perkhidmatan OCBC OneTouch, atau sebarang permintaan anda yang berkaitan dengan pemprosesan atau perkara lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan OCBC OneTouch ("Permintaan"), atau penerimaan oleh OCBC Bank terhadap penyerahan Permintaan anda, tidak membentuk sebarang representasi atau jaminan daripada pihak OCBC Bank. OCBC Bank dengan jelas menafikan bahawa:
- a) Perkhidmatan OCBC OneTouch akan memenuhi keperluan anda;
 - b) Perkhidmatan OCBC OneTouch akan sentiasa tersedia, boleh diakses, berfungsi atau beroperasi bersama dengan mana-mana infrastruktur rangkaian, sistem, atau perkhidmatan lain yang mungkin ditawarkan oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa; atau
 - c) penggunaan anda terhadap Perkhidmatan OCBC OneTouch, atau pemprosesan sebarang Permintaan oleh OCBC Bank, akan sentiasa berjalan tanpa gangguan dan dilaksanakan tepat pada masanya.
10. Tanpa menjejaskan apa-apa jua yang terkandung di sini, anda mengakui dan bersetuju bahawa OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti bagi sebarang kerugian, liabiliti, kos, perbelanjaan, kerosakan, tuntutan, tindakan atau prosiding dalam apa jua bentuk berhubung apa-apa perkara dan bagaimana ia terjadi (sama ada di bawah kontrak atau tort) yang anda alami, akibat daripada atau berpunca daripada, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- a) penyediaan Perkhidmatan OCBC OneTouch oleh OCBC Bank atau penggunaan/akses (atau kegagalan atau kelewatan untuk mengakses) Perkhidmatan OCBC OneTouch atau Aplikasi serta pemprosesan mana-mana Permintaan, kecuali setakat mana OCBC Bank bertindak secara cuai atau ingkar dengan sengaja;
 - b) peranti mudah alih anda tidak berfungsi secara optimum atau mengalami kerosakan fungsi;
 - c) sebarang akses dan/atau penggunaan tanpa kebenaran terhadap peranti mudah alih anda;
 - d) penggunaan dalam apa jua cara dan/atau untuk sebarang tujuan oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa terhadap sebarang maklumat atau data:
 - i) yang berkaitan dengan anda;
 - ii) yang dihantar melalui penggunaan Perkhidmatan OCBC OneTouch atau Aplikasi oleh anda; dan/atau
 - iii) yang diperolehi melalui penggunaan Perkhidmatan OCBC OneTouch atau Aplikasi oleh anda;

- kecuali dan setakat mana ianya berpunca daripada kecuaiian atau ingkar dengan sengaja oleh OCBC Bank;
- e) sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peralatan, penyedia pelayar Internet atau mana-mana penyedia akses Internet dan/atau mana-mana pihak lain yang menyediakan akses Internet kepada anda termasuk ejen atau sub-kontraktor mereka;
 - f) kegagalan anda untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan OCBC OneTouch akibat undang-undang/sekatan di negara tertentu, atau sekiranya anda dihalang oleh OCBC Bank daripada mengakses atau menggunakan Perkhidmatan OCBC OneTouch di negara tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa;
 - g) Sebarang serangan atau gangguan oleh virus, Trojan horse, worm, bot, dan/atau makro atau komponen berbahaya lain pada peranti mudah alih anda, atau pada sistem komputer penyedia pelayar Internet, penyedia akses Internet dan/atau mana-mana pihak lain yang menyediakan akses Internet kepada anda, ejen mereka atau subkontraktor mereka;
 - h) Sebarang kerosakan atau kegagalan fungsi pada mana-mana peralatan, sistem atau perisian yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan OCBC OneTouch, termasuk tetapi tidak terhad kepada terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, bekalan elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi lain, melainkan jika kerosakan atau kegagalan fungsi tersebut berpunca daripada kecuaiian OCBC Bank;
 - i) Sebarang kegagalan oleh anda untuk mematuhi Terma ini dan arahan, prosedur dan panduan terkini mengenai penggunaan Perkhidmatan OCBC OneTouch, dan/atau keengganan OCBC Bank untuk bertindak akibat daripadanya;
 - j) Sebarang kelewatan, kegagalan, peninggalan, gangguan atau halangan terhadap perniagaan atau operasi yang disebabkan oleh, termasuk tetapi tidak terhad kepada, keadaan force majeure, bencana alam, peperangan, permusuhan yang menyerupai perang, rusuhan, sekatan jalan, mogok, embargo, atau kegagalan mesin atau peralatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada peranti mudah alih), atau penggantungan operasi Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan keadaan di luar kawalan OCBC Bank, atau sebarang kejadian yang tidak dapat dielakkan oleh OCBC Bank walaupun dengan usaha sewajarnya; atau
 - k) penggantungan, penamatan atau pemberhentian Perkhidmatan OCBC OneTouch.
11. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab, dan anda bersetuju untuk menanggung rugi serta memastikan OCBC Bank sentiasa dilindungi daripada sebarang akibat, tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan atau perbelanjaan (termasuk semua kos guaman atas dasar indemniti) dalam apa jua bentuk dan bagaimana jua ia berlaku, yang mungkin timbul atau ditanggung oleh OCBC Bank dalam menyediakan Perkhidmatan OCBC OneTouch, sama ada secara langsung atau tidak, berpunca daripada, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
- a) sebarang penggunaan Perkhidmatan OCBC OneTouch atau Aplikasi yang tidak wajar atau tanpa kebenaran oleh anda;
 - b) sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana penyedia perkhidmatan mudah alih atau Internet yang berkaitan;
 - c) sebarang kelewatan atau kegagalan dalam mana-mana kemudahan penghantaran, penyampaian atau kemudahan komunikasi yang tidak berpunca daripada kecuaiian OCBC Bank; atau
 - d) sebarang pelanggaran Terma ini oleh anda.
12. Setakat mana had liabiliti yang dinyatakan di atas tidak dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti OCBC Bank kepada anda yang timbul daripada atau berkaitan dengan setiap Permintaan, sama ada dalam kontrak, tort (termasuk kecuaiian atau pelanggaran kewajipan statutori) atau sebaliknya, berhubung sebarang dan segala kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan atau timbul daripada atau berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan OCBC OneTouch oleh

OCBC Bank dan/atau di bawah atau berkaitan dengan Terma ini, tidak akan melebihi nilai Permintaan tersebut atau kerugian langsung yang anda alami, yang mana lebih rendah.

13. OCBC Bank berkuasa untuk melaksanakan mana-mana haknya dan remedi di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC.
14. Anda mengakui bahawa sebarang maklumat yang berkaitan dengan akaun anda seperti yang dipaparkan melalui Perkhidmatan OCBC OneTouch mungkin tidak sentiasa terkini sepenuhnya kerana mungkin terdapat arahan dan/atau transaksi yang, tanpa mengehadkan maksud umum di atas, hanya dikreditkan sementara sebagai kredit belum jelas (yang boleh diubah atau dibatalkan oleh OCBC Bank jika tidak disahkan), masih belum diproses oleh OCBC Bank, memerlukan pengesahan oleh OCBC Bank atau sedang dalam proses. Anda secara khusus bersetuju bahawa baki akaun yang dilaporkan melalui Perkhidmatan OCBC OneTouch tidak boleh, atas apa jua tujuan sekalipun, dianggap muktamad sebagai baki akaun anda dengan OCBC Bank.
15. OCBC Bank akan secara automatik menggantung atau menamatkan hak anda untuk mengakses Perkhidmatan OCBC OneTouch sekiranya anda tidak lagi mengekalkan sebarang akaun dengan OCBC Bank yang boleh diakses melalui Perkhidmatan OCBC OneTouch atau sekiranya akses anda kepada akaun tersebut disekat oleh OCBC Bank atau mana-mana pihak lain atas sebarang sebab.
16. OCBC Bank, mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa, boleh menambah, mengubah, meminda atau membuat apa-apa perubahan terhadap semua atau mana-mana Terma ini dengan memberi anda notis sekurang-kurangnya 21 hari lebih awal. Perubahan tersebut akan mengikat anda selepas tamat tempoh 21 hari tersebut. Semua penambahan, variasi, pengubahsuaian atau pindaan akan mengikat anda dan notis berkenaan dianggap telah disampaikan kepada anda melalui (i) notis di laman web OCBC Bank; atau (ii) notis di ATM atau terminal elektronik lain; atau (iii) notis di pejabat dan cawangan OCBC Bank; atau (iv) notis melalui iklan di akhbar utama di Malaysia; atau (v) apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh OCBC Bank. Walau apa pun yang bertentangan di sini, di mana notis diberikan mengikut (i), (ii), (iii) atau (iv) di atas, nasihat bertulis berikutnya mengenai perkara yang sama akan diberikan oleh OCBC Bank kepada anda.
17. Sebarang kegagalan atau kelewatan oleh OCBC Bank dalam melaksanakan atau menguatkuasakan sebarang hak atau pilihan di bawah Terma ini tidak akan dianggap sebagai pelepasan hak tersebut, atau mengehadkan, menjejaskan atau menafikan hak OCBC Bank untuk mengambil sebarang tindakan atau melaksanakan sebarang hak terhadap anda, atau menjadikan OCBC Bank bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripadanya.
18. Jika mana-mana satu atau lebih peruntukan dalam Terma ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam sebarang aspek di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai, kesahihan, kesahan dan kebolehlaksanaan peruntukan-peruntukan lain dalam Terma ini tidak akan terjejas atau terbatal dengan apa cara sekalipun.
19. Terma ini akan ditadbir oleh dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa tidak eksklusif berhubung dengan sebarang tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma ini.